

Wanita bersilat untuk keselamatan

~~PENCAK SILAT~~
SERING kita dengar komen-komen yang menyatakan bahawa wanita hari ini sudah keterlaluan.

Apa saja yang dibuat oleh lelaki, mereka juga mahu mencubanya. Dunia pekerjaan adalah satu aspek yang menyokong dakwaan itu.

Sudah banyak bidang-bidang kerja yang dulunya menjadi semacam 'larangan' kepada kaum wanita, kini sudah menjadi sesuatu yang lumrah.

Dalam banyak bidang lain, kemasukan kaum wanita juga sudah mula kelihatan. Di bidang sukan saja, sudah ada pasukan-pasukan wanita di dalam berbagai jenis permainan. Ini termasuklah berbagai jenis permainan bola seperti bola jaring, hoki, badminton dan bola sepak.

Seharusnya digalakkan

Bagi wanita-wanita Melayu pula, seni silat adalah salah satu lagi jenis permainan yang sudah mula dimasuki oleh mereka. Tetapi apakah semua ini tidak menjejaskan imej mereka sebagai wanita?

Seorang gadis berusia 22 tahun yang kini memimpin kumpulan pesilat wanita dalam salah sebuah persatuan silat di sini iaitu Persatuan Silat Al-haq, Cik Shamsiah Hosni, berkata:

"Dalam banyak jenis sukan, silat adalah sejenis permainan yang amat sesuai untuk wanita. Walaupun pada zahirnya ia kelihatan tidak sesuai kerana melibatkan pergerakan-pergerakan jasmani yang kasar, tetapi jika dibandingkan dengan yang lain, ia merupakan sejenis sukan yang seharusnya digalakkan di kalangan kaum wanita.

"Malah semenjak seni silat ini tercipta, sudah ada anggota-anggota wanita yang turut mengamalukannya.

"Kita harus melihat tujuan utama di sebalik permainan silat itu, sebelum memutuskannya bahawa permainan ini tidak sesuai untuk kaum wanita.

"Pertama, unsur utama dari permainan seni silat ini ialah untuk pertahanan diri. Jadi ini saja sudah menunjukkan bahawa wanita juga seharusnya belajar seni ini demi menjaga keselamatan diri mereka.

"Dalam menjaga keselamatan ini, kita tidak harus pandang keadaannya di luar rumah. Di dalam rumah ia juga perlu. Umpamanya, jika ada penceroboh yang masuk ke dalam rumah, katakanlah perompak, tentulah kita harus berusaha bukan saja mengelakkan diri kita daripada menjadi mangsa keganasannya malah jika di rumah kita itu ada anak-anak kita, kita juga harus berusaha melindungi keselamatan mereka.

"Sementara di luar rumah, keupayaan mempertahankan diri ini semakin penting, terutamanya di dalam keadaan hidup di bandar yang sibuk sebagaimana negara kita ini."

Menjelaskan lebih lanjut akan keselamatan di luar rumah, Cik Shamsiah berkata bahawa ramai wanita hari ini yang aktif di luar rumah dengan menjalankan berbagai pekerjaan. Jadi dalam masa mereka berada di tengah-tengah orang ramai setiap hari itu, mereka juga berkemungkinan menjadi mangsa-mangsa jenayah yang berbagai bentuk.

Mencuba

lain2 senanam

Ada berbagai jenayah yang melibatkan wanita, katanya. Ia termasuklah jenayah yang melibatkan moral, rompakan, ancaman dan paksaan. Malah pernah juga berlaku kejadian-kejadian wanita-wanita diculik.

Oleh itu, wanita juga haruslah belajar sesuatu cara untuk mempertahankan diri mereka seberapa yang boleh, sekiranya mereka berada dalam keadaan-keadaan yang begitu terdesak.

Sungguhpun setakat ini beliau sendiri belum pernah mengalami masalah-masalah yang disebutkan di atas, namun katanya:

"Malang itu boleh berlaku pada bila-bila masa saja. Contoh terdekatnya